

<b>CUE</b>	<b>ANN.</b>
KETIBAAN VIP	<p>Mengumumkan ketibaan,</p> <p>Yang Berusaha,</p> <p>Pegawai PPD dan barisan pentadbir SK menuju ke pentas utama.</p> <p>(Nyanyian lagu .....dan Lagu Negaraku)</p> <p>Hadirin dipersilakan duduk.</p>
PERSEMBAHAN KALAM JAMAIE	<p>(Persembahan)</p> <p>Hadirin,</p> <p>Begitulah tadi persembahan Kalam Jamaie daripada Kumpulan... SK... sebagai persembahan pembukaan kepada Majlis Mesyuarat Agung PIBG SK...kali ke.... tahun 2022.</p>

	<p>Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.</p> <p><i>Jika ada pancing di tangan, Mari mengail ikan kerapu, Kami menunggu datangmu tuan, Majlis berseri bertambah mutu.</i></p>
SALUTASI	<p>Yang Berusaha, Cikgu Hj....., Pegawai Pendidikan Daerah....</p> <p>Yang dihormati, Encik...., Yang dipertua PIBG Sekolah Kebangsaan.....</p>

Yang Berusaha,  
Cikgu Haji...,  
Guru Besar Sekolah Kebangsaan...

Yang dihormati,  
Cikgu....,  
Guru Penolong Kanan Pentadbiran,  
Sekolah Kebangsaan...

Cikgu...  
Guru Penolong Kanan Hal Ehwal  
Murid  
Sekolah Kebangsaan...

Cikgu....,  
Guru Penolong Kanan Kokurikulum  
Sekolah Kebangsaan....

	<p>Guru-guru Sekolah Kebangsaan Kota Masai,</p> <p>Ibu bapa, para jemputan,</p> <p>Seterusnya, hadirin yang dikasihi.</p>
UCAPAN ALU-ALUAN MC	<p>Hadirin yang dimuliakan,</p> <p><i>Kapur gambir dalam puau,</i></p> <p><i>Menggobek sirih tepi serambi,</i></p> <p><i>Selamat datang hadirin dan taulan,</i></p> <p><i>Tambah sempurna majlis kami.</i></p>
	<p>Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah s.w.t kerana dengan berkat kerahmatan dan keizinan-Nya dapat juga kita berkumpul di Persada Perpaduan ini untuk menjayakan Mesyuarat PIBG Sekolah Kebangsaan kali ke... bagi tahun 2022.</p> <p>Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada ibu bapa dan para</p>

	<p>tetamu yang sudi hadir dalam majlis yang sangat signifikan ini.</p>
	<p>Mesyuarat PIBG ini tidak lain menjadi medan pertemuan dan percambahan idea, maklum balas dan pandangan bagi meningkatkan segala macam bentuk kemajuan untuk sekolah ini menjadi lebih terkehadapan di masa yang akan datang.</p>
	<p>Hadirin dan hadirat yang dirahmati,</p> <p><i>Gosok tembaga sampai berkilat,</i></p> <p><i>Nampak cahayanya semakin hebat,</i></p> <p><i>Majlis kita insya Allah berkat,</i></p> <p><i>Bersulam dengan rahim dan rahmat.</i></p>
BACAAN DOA	<p>Bagi memohon keberkatan majlis kita pada hari ini, marilah sama-sama kita mengaminkan doa yang akan diketuai oleh Yang dihormati Al-Fadhil Ustaz</p> <p>.....</p> <p>Majlis mempersilakan.</p>

	<p>-Amin, amin Ya Rabbal A'lamin. Semoga bacaan doa sebentar tadi memberikan kelancaran dan keberkatan kepada majlis kita pada hari ini.</p>
UCAPAN GURU BESAR	<p>Hadirin dan hadirat yang dimuliakan,</p> <p><i>Kalau hendak ke Pekan Dengkil,</i></p> <p><i>Belikan saya kain belacu,</i></p> <p><i>Silakan tuan segera tampil,</i></p> <p><i>Menyampaikan sesuatu bingkisan di kalbu.</i></p> <p>Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan Cikgu Haji....., Guru Besar Sekolah Kebangsaan....untuk menyampaikan ucapan alu-aluan. Majlis mempersilakan.</p>
	<p>-Majlis mengucapkan terima kasih atas ucapan alu-aluan yang cukup bermakna sebentar tadi.</p>

	<p>Para tetamu yang dihormati,</p> <p><i>Terbang di awan burung jentayu,</i></p> <p><i>Di atas papan batang selisih,</i></p> <p><i>Tampillah tuan kami merayu,</i></p> <p><i>Bersama ucapan pengikat kasih.</i></p>
	<p>UCAPAN YDP PIBG</p> <p>Untuk itu, majlis dengan penuh takzimnya menjemput dan mempersilakan Yang dihormati, Encik ....., Yang Dipertua PIBG Sekolah Kebangsaan.....untuk menyampaikan ucapan. Dipersilakan.</p>
	<p>-Majlis merakamkan ucapan terima kasih.</p> <p>Hadirin dan hadirat yang dihormati,</p> <p><i>Daun semulur di pekan sari,</i></p> <p><i>Batang jerami rebah ke bumi,</i></p> <p><i>Madah dihulur sembah diberi,</i></p> <p><i>Kata perasmi hajatnya kami.</i></p>

	<p>Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan Yang berusaha, Cikgu Hj....., Pegawai Pendidikan Daerah.....</p> <p>untuk menyampaikan ucapan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung PIBG Sekolah Kebangsaan .....kali ke.... ini. Majlis mempersilakan.</p> <p>(Gimik Perasmian)</p> <p>Begitulah tadi sebagai gimik perasmian Majlis Mesyuarat Agung PIBG Kali Ke...Sekolah Kebangsaan.....</p>
PENYAMPAIAN SIJIL/ CENDERAMATA KEPADА AJK PIBG 2021/2022	Bagi menyempurnakan acara penyampaian cenderamata kepada Ahli jawatankuasa PIBG sesi 2021/2022, majlis menjemput sekali lagi, Yang berusaha, Cikgu Hj....., Pegawai Pendidikan Daerah ...untuk menyempurnakannya. Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan.

	<p>-Majlis merakamkan ucapan terima kasih</p>
PENYAMPAIAN ANUGERAH CEMERLANG PBD 2021	<p>Seterusnya, penyampaian anugerah cemerlang PBD 2021. Mendahului senarai penerima, dipersilakan</p> <p>(senarai nama)</p>
PENYAMPAIAN BKAP	<p>Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian Bantuan Awal Persekolahan 2021.</p> <p>Majlis mempersilakan,</p> <p>(Nama murid)</p>

	<p>Hadirin,</p> <p>Majlis seterusnya menjemput dan mempersilakan Yang berusaha, Cikgu Hj....., Guru Besar Sekolah Kebangsaan .....diiringi Yang dihormati Encik....., Yang dipertua PIBG Sekolah Kebangsaan ....untuk menyampaikan cenderamata.</p> <p><b>PENYAMPAIAN CENDERAMATA KEPADA PERASMI</b></p> <p>Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan, Yang Berusaha, Cikgu Hj....., Pegawai Pendidikan Daerah .... untuk menerima cenderamata sebagai tanda kenangan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– Majlis merakamkan ucapan terima kasih atas penyempurnaan acara sebentar tadi.</li> </ul>
JAMUAN	<p>Hadirin, para tetamu yang dikasihi,</p> <p><i>Kalau tuan pikat cemara,</i></p> <p><i>Buatlah bara bakar selasih,</i></p> <p><i>Sudilah tuan jamu selera,</i></p> <p><i>Hidangan mesra pengikat kasih.</i></p>

Majlis mempersilakan Yang Berusaha,  
Cikgu Hj...., Pegawai Pendidikan  
Daerah...., para tetamu dan ibu bapa  
untuk menikmati juadah yang telah  
disediakan.

Untuk itu, majlis berhenti rehat  
seketika dan akan disambung semula  
pada jam .

Terima kasih. Assalammualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.

BERSURAI	<p><i>Bertiup bayu di pantai indah, Burung kedidi terbang melayang,</i></p> <p><i>Mana yang kurang silap dan salah, Jangan menjadi bekalan pulang,</i></p> <p>Hadirin dan hadirat, Majlis kita berakhir di sini</p> <p>Saya mewakili pihak majlis mengucapkan terima kasih kepada semua tetamu, ibu bapa dan murid- murid yang hadir pada hari ini. Semoga kita bersua lagi pada masa yang akan datang.</p> <p>Assalammualaikum w.b.t</p>